Manfaat-manfaat yang dibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Zurich Takaful Malaysia Berhad
No. Pendaftaran 200601012246 (731996-H)
Tingkat 23A, Mercu 3,
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888
Pusat Panggilan: 1-300-888-622 www.zurich.com.my

ZURICH, Logo Z dan Tanda Z merupakan cap dagangan Zurich Insurance Company Ltd, didaftarkan di pelbagai bidang kuasa di seluruh dunia.

ZT0374/1/D/B

insurance ASIA Awards 2026

ZURICH Takaful

Takaful ProAspire

Impian Anda, Aspirasi Kami





Memperkasakan masa depan anda –
ke arah mencapai

kestabilan kewangan

Dalam dunia yang sentiasa berubah, keselamatan kewangan dan ketenangan fikiran menjadi semakin penting. Sama ada anda berada dalam fasa memiliki rumah, merancang pendidikan anak anda, bercadang untuk bersara awal, ataupun menunaikan ibadah Haji atau Umrah, menyimpan wang secara konsisten adalah penting.

Memperkenalkan, **Takaful ProAspire,** pelan Takaful keluarga yang menggabungkan simpanan dan perlindungan, menjadikannya satu ciri penting dalam perancangan kewangan anda. Dengan Manfaat Pulangan Tunai, anda dapat memenuhi matlamat atau impian peribadi anda. Jika anda mempunyai matlamat untuk bersedia dari segi kewangan pada masa depan, Ganjaran Kesetiaan boleh memberikan kestabilan kewangan untuk anda dan generasi seterusnya.

Dengan **Takaful ProAspire**, ia bukan sekadar pelan Takaful – ia adalah satu ikrar untuk melindungi, membantu dan memperkasakan anda dengan keyakinan dan kestabilan untuk mengharungi kehidupan yang tidak menentu ini.

Mengapakah Takaful ProAspire Satu Pilihan yang Bijak?

Ia adalah pelan yang membantu anda menyimpan dengan lebih bijak, menjana simpanan lebih cepat dan kekal dilindungi!

1



Simpanan Bijak, Penjanaan Maksimum

- Pilihan pulangan tunai: Setiap tahun atau setiap 3 tahun.
- Menerima Ganjaran Kesetiaan apabila mencapai kematangan.
- Pilihan untuk meningkatkan simpanan anda melalui tambah nilai.

2



Bermanfaat untuk Capai Matlamat Anda

- Sesuai untuk mengerjakan ibadah haji, pendidikan dan perancangan jangka panjang.
- Pilihan untuk depositkan pulangan tunai ke dalam akaun Tabung Haji atau akaun Simpan SSPN Prime atau tambah nilai ke dalam Akaun Simpanan.

3



Perlindungan Tambahan Ketika Amat Diperlukan

- Tambahan 100% dari Jumlah Perlindungan Asas untuk Kematian akibat Kemalangan.
- Tambahan 200% dari Jumlah Perlindungan Asas untuk Kematian akibat Kemalangan semasa mengerjakan Haji atau Umrah.

4



Pelan Fleksibel Mengikut Pilihan Anda

- Menyesuaikan pelan berdasarkan keperluan dan bajet anda:
  - Pilih perlindungan anda;
  - Pilih tempoh caruman anda; dan
  - Buat pilihan cara penerimaan pulangan tunai anda.

1

Simpanan Bijak, Penjanaan Maksimum

Tingkatkan simpanan dan aksesibiliti anda dengan Akaun Simpanan

Maksimumkan simpanan anda dengan tambah nilai yang mudah dan nikmati kebebasan mengakses dana dari Akaun Pelaburan Peserta (APP) atau Akaun Simpanan pada bila-bila masa yang anda perlukan. Selain itu, dana yang anda laburkan ke dalam Akaun Simpanan tidak akan dikenakan caj Tabarru' atau caj pengeluaran, bagi memastikan simpanan anda kekal selamat.

Raikan pencapaian simpanan anda dengan Ganjaran Kesetiaan

Apabila sijil anda mencapai tempoh matang, anda akan menerima sejumlah pulangan sehingga 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas sebagai Ganjaran Kesetiaan. Selain itu, Nilai Akaun Pelaburan Peserta (APP) (jika ada) dan Nilai Akaun Simpanan (jika berkenaan) juga akan dibayar, membolehkan anda mencapai matlamat anda dengan yakin dan ketenangan fikiran.

Tempoh Perlindungan	Ganjaran Kesetiaan
15 atau 21 Tahun	50% daripada Jumlah Perlindungan Asas
30 Tahun	100% daripada Jumlah Perlindungan Asas

2

Bermanfaat untuk Capai Matlamat Anda

Lihat simpanan anda bertambah dengan Pulangan Tunai

Pilih untuk menerima pulangan tunai yang berterusan sama ada setiap tahun atau setiap 3 tahun.

Setiap Tahun	Sehingga 3.5% daripada Jumlah Perlindungan Asas
Setiap 3 Tahun	Sehingga 12% daripada Jumlah Perlindungan Asas

Capai matlamat anda dengan simpanan bermanfaat, di mana anda boleh:

- **Membantu memenuhi tuntutan agama:** Depositkan pulangan tunai terus ke dalam akaun Tabung Haji;
- **Menyumbang ke arah pencapaian matlamat pendidikan:** Pindahkan pulangan tunai terus ke akaun Simpan SSPN Prime sedia ada;
- **Matlamat atau impian peribadi:** Terima pulangan tunai terus ke akaun bank anda; atau
- **Kumpul untuk kestabilan kewangan masa depan:** Labur semula pulangan tunai ke dalam Akaun Simpanan anda.

3 Perlindungan Tambahan Ketika Amat Diperlukan

Kekal dilindungi daripada kejadian tidak dijangka sambil menyimpan

Selain ganjaran dengan menyimpan, **Takaful ProAspire** juga menyediakan perlindungan ke atas kejadian yang tidak dijangka, termasuklah yang mungkin berlaku semasa menunaikan ibadah Haji atau Umrah. Jika berlaku sesuatu, **Takaful ProAspire** akan menawarkan manfaat berikut:

Manfaat	Manfaat yang Dibayar
Kematian / Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK)[1] / Hilang Upaya Warga Emas (HUWE)[2]	100% daripada Jumlah Perlindungan Asas (JPA) + Nilai Akaun Pelaburan Peserta (APP) (jika ada)
Kematian akibat Kemalangan[3]	Manfaat Kematian + 100% daripada JPA
Kematian akibat Kemalangan semasa Menunaikan Haji atau Umrah[4]	Manfaat Kematian + 200% daripada JPA

[1] Manfaat HUKK tertakluk pada had maksimum RM10,000,000 setiap Orang yang Dilindungi.

[2] Manfaat HUWE tertakluk pada had maksimum RM2,000,000 setiap Orang yang Dilindungi.

[3] Manfaat kematian akibat kemalangan tertakluk pada had maksimum RM10,000,000 setiap Orang yang Dilindungi dan jika Orang yang Dilindungi meninggal dunia dalam masa 365 hari dari tarikh kemalangan.

[4] Perlindungan bermula apabila Orang yang Dilindungi masuk ke sempadan Mekah atau Madinah di Arab Saudi dan tamat sehingga mereka keluar, tertakluk pada maksimum 45 hari untuk Haji dan 15 hari untuk Umrah.

Nota:
1. Hanya manfaat kematian yang tertinggi akan dibayar.
2. Pembayaran HUKK atau HUWE akan mengurangkan Manfaat Kematian dengan sewajarnya.
3. Semua manfaat yang perlu dibayar akan ditolak mengikut jumlah yang perlu dibayar kepada kami (jika ada).

Dapatkan perlindungan berterusan seiring umur anda

Takaful ProAspire menawarkan ketenangan fikiran dengan manfaat Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) sehingga berumur 75 tahun, di samping perlindungan Hilang Upaya Warga Emas (HUWE) yang berterusan.



4 Pelan Fleksibel Mengikut Pilihan Anda

Pilihan fleksibel untuk perlindungan tanpa kebimbangan

Dengan pilihan tempoh perlindungan yang fleksibel selama 15, 21 atau 30 tahun, anda mempunyai pilihan untuk mencarum sama ada selama 5 tahun atau sepanjang tempoh perlindungan.

Tingkatkan perlindungan anda dengan pilihan manfaat tambahan

Perkukuhkan perlindungan anda dengan manfaat tambahan berikut:

Manfaat Tambahan	Butiran
KritikalCare Waiver Elite	Caruman masa hadapan akan dikecualikan jika Orang yang Dilindungi didiagnosis dengan mana-mana satu daripada 50 penyakit kritikal yang dilindungi.
Payor Benefit Plus	Caruman masa hadapan anda akan dikecualikan jika Peserta meninggal dunia atau HUKK, atau anda didiagnosis dengan mana-mana satu daripada 50 penyakit kritikal yang dilindungi.

Nota:
1. Semua manfaat tertakluk pada terma dan syarat.
2. Sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk dan Sijil Tafakul untuk maklumat lanjut.

Mudah Sahaja – Ini Caranya!



Senario 1

Perjalanan Faizal untuk menunaikan tanggungjawabnya melaksanakan ibadah Haji

Faizal, 35 tahun, dengan butiran pelannya seperti berikut:

- **Jumlah Perlindungan Asas (JPA):** RM100,000
- **Tempoh Perlindungan:** 30 tahun
- **Tempoh Caruman:** 30 tahun
- **Caruman Bulanan:** RM1,295
- **Pilihan Pulangan Tunai:** Setiap 3 tahun didepositkan ke dalam akaun Tabung Haji

Dengan memilih untuk menerima **Pulangan Tunai** setiap 3 tahun, jumlah keseluruhan pulangan tunai dalam akaun Tabung Haji Faizal adalah RM113,000.

Tahun Sijil Tamat	Simpanan dalam Akaun Tabung Haji
Tahun ke-3, 6, 9	10% x 100,000 x 3 = RM30,000
Tahun ke-12	11% x 100,000 = RM11,000
Tahun ke-15, 18, 21, 24, 27, 30	12% x 100,000 x 6 = RM72,000
Jumlah	**RM113,000**

Untuk memaksimumkan simpanannya, Faizal boleh **menambah** ke dalam Akaun Simpanannya, memberikan Faizal fleksibiliti dan akses ke atas simpanannya dengan mudah.

Apabila mencapai kematangan, Faizal boleh menerima **Ganjaran Kesetiaan (GK)** dan **Nilai APP** seperti berikut:

Senario	Tinggi	Rendah
GK + Nilai APP	RM100,000 + RM492,446	RM100,000 + RM322,816
Jumlah	**RM592,446**	**RM422,816**

Sekiranya **Faizal meninggal dunia akibat kemalangan** semasa menunaikan ibadah Haji, mereka yang tersayang akan menerima jumlah pembayaran sebanyak **RM300,000**, (RM100,000 JPA + 200% daripada JPA) + Nilai APP bagi meringankan beban kewangan keluarga Faizal.

Dengan **Takaful ProAspire**, kehidupan keluarga Faizal dapat dilindungi, di samping memberikan sokongan kewangan yang mereka perlukan dalam tempoh yang sukar ini.



Senario 2

Pilihan bijak Rina untuk masa depan anaknya

Rina, 30 tahun, mendaftar pelan ini untuk anak lelakinya, Ramli yang berumur 3 tahun dengan butiran pelan berikut:

- **Jumlah Perlindungan Asas (JPA):** RM100,000
- **Tempoh Perlindungan:** 15 tahun
- **Tempoh Caruman:** 15 tahun
- **Caruman Bulanan:** RM1,025
- **Pilihan Pulangan Tunai:** Setiap tahun didepositkan ke dalam Simpan SSPN Prime

Untuk memastikan sijil Ramli kekal dilindungi, Rina menambah ***Payor Benefit Plus***. Dengan ini, jika Rina meninggal dunia, mengalami HUKK atau didiagnosis dengan mana-mana satu daripada 50 penyakit kritikal, caruman masa depannya akan dikecualikan sementara simpanannya tetap tidak diganggu.

Apabila mencapai tempoh matang (apabila Ramli berumur 18 tahun), jumlah pulangan manfaat daripada pelan (tanpa tambah nilai ke Akaun Simpanan) adalah seperti berikut:

Manfaat	Tahun Sijil Akhir	Jumlah Pulangan Manfaat	
Pulangan Tunai (Deposit dalam Akaun Simpan SSPN Prime)	1 hingga 10	3% x 100,000 x 10 = RM30,000	
	11 hingga 15	3.5% x 100,000 x 5 = RM17,500	
Ganjaran Kesetiaan	15	50% x RM100,000 = RM50,000	
Nilai APP	15	**Senario Tinggi** RM97,132	**Senario Rendah** RM81,103
Jumlah (bersama Nilai APP)		**RM194,632**	**RM178,603**

Sumbangan yang dibuat layak mendapat pelepasan cukai pendapatan insurans pendidikan dan jumlah Pulangan Tunai yang didepositkan ke Akaun Simpan SSPN Prime layak mendapat pelepasan cukai ke atas simpanan di Simpan SSPN Prime. Kedua-dua pelepasan cukai adalah tertakluk pada keputusan akhir Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).

Nota: Nilai APP mungkin berbeza bergantung kepada pulangan pelaburan yang dialami oleh dana, dan ia TIDAK DIJAMIN. Senario rendah menganggar bahawa APP menerima pulangan 2% setiap tahun. Senario tinggi menganggar bahawa APP menerima pulangan 5% setiap tahun. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Ilustrasi Pemasaran.

Model Wakalah

Zurich Takaful Malaysia Berhad ("Zurich Takaful"/ "Pengendali Takaful"/ "Kita"/ "Kami") beroperasi di bawah model Wakalah di mana Operator Takaful bertindak sebagai ejen kepada Peserta untuk menguruskan operasi perniagaan Takaful. Yuran Wakalah yang telah dipersetujui akan dikenakan terlebih dahulu daripada caruman yang dibuat. Tabarru'[1] (derma) akan dimasukkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP)[2], di mana ia akan digunakan untuk sumbangan dan bantuan bersama, berdasarkan konsep Takaful. Manfaat daripada DRP hanya akan dibayar apabila berlaku sesuatu kejadian yang dilindungi. Sekiranya terdapat Lebihan yang diisytiharkan pada setiap akhir tahun kewangan, Lebihan tersebut akan dikongsi pada nisbah 50:50 dengan Peserta yang layak dan Pengendali Takaful (atau Kami), berdasarkan kontrak Hibah (hadiah) dan Ju'alah (yuran prestasi) masing-masing. Keuntungan hasil pelaburan yang dijana di dalam Akaun Pelaburan Peserta (APP)[3] dan Akaun Simpanan[4] adalah TIDAK DIJAMIN dan bergantung kepada prestasi sebenar pelaburan. Keuntungan pelaburan yang diperolehi melalui APP dan Akaun Simpanan, masing-masingnya akan dikongsi di antara Peserta dan Kami berdasarkan nisbah 90:10.

[1] Tabarru' maksudnya derma dan ia adalah jumlah yang dipersetujui oleh Peserta untuk disalurkan bagi tujuan membantu mereka yang menyertai Pelan Takaful dan juga membayar untuk Perlindungan Takaful.

[2] Dana Risiko Peserta (DRP) adalah akaun pegangan Peserta di mana Tabarru' (derma) akan dikreditkan untuk tujuan bantuan bersama yang akan digunakan untuk membantu Peserta-Peserta yang memerlukan.

[3] Akaun Pelaburan Peserta (APP) adalah akaun pegangan Peserta untuk caruman, pengagihan keuntungan pelaburan, jika ada, dan lebihan Dana Risiko Peserta (DRP).

[4] Akaun Simpanan adalah akaun pegangan Peserta untuk tujuan pelaburan semula Manfaat Pulangan Tunai dan simpanan.

Yuran Wakalah

Tahun Sijil	5 Tahun Tempoh Caruman	15 Tahun Tempoh Caruman	21 & 30 Tahun Tempoh Caruman
	% Daripada Caruman		
1	25%	50%	65%
2	25%	50%	65%
3	20%	40%	55%
4	15%	30%	35%
5	15%	20%	25%
6	-	15%	20%
Jumlah	**100%**	**205%**	**265%**

Soalan-soalan Lazim

1. Apakah itu Takaful ProAspire?

Takaful ProAspire adalah pelan Takaful keluarga yang menggabungkan elemen simpanan dan perlindungan dalam satu penyelesaian komprehensif untuk melindungi masa depan anda. Pelan dengan pelbagai manfaat ini menyediakan pulangan tunai setiap tahun atau setiap 3 tahun, di samping Ganjaran Kesetiaan. Selain itu, ia menawarkan perlindungan untuk Kematian, Kematian Akibat Kemalangan, Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK), dan Hilang Upaya Warga Emas (HUWE).

2. Siapa yang layak untuk Takaful ProAspire?

Umur minimum dan maksimum untuk Orang yang Dilindungi dan Peserta adalah seperti berikut:

Kategori	Umur Minimum	Umur Maksimum
Orang yang Dilindungi	14 hari	60 tahun
Peserta	16 tahun	99 tahun

3. Apakah kaedah caruman yang tersedia untuk Takaful ProAspire?

Caruman boleh dibuat secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan.

4. Adakah caruman yang dibuat untuk pelan ini layak untuk pelepasan cukai peribadi?

Ya, caruman yang dibuat layak untuk pelepasan cukai peribadi, tertakluk pada keputusan mutlak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

5. Apakah yuran dan caj untuk Takaful ProAspire?

Yuran dan Caj	Penerangan
Yuran Wakalah	Yuran ini membolehkan kami membayar perbelanjaan mengendalikan operasi perniagaan Takaful, termasuklah pemberian imbuhan kepada Perancang Kewangan kami.
Tabarru'	Caj Tabarru' adalah berdasarkan umur dicapai, jantina, jumlah perlindungan, tempoh perlindungan, pilihan pulangan tunai yang dipilih dan keputusan pihak taja jamin Orang yang Dilindungi.
Yuran Serahan	10% daripada nilai APP untuk 3 tahun pertama. Tiada yuran dikenakan untuk tahun ke-4 dan seterusnya dan tiada yuran serahan akan dikenakan untuk Akaun Simpanan.
Yuran Pengeluaran Separa	RM50 dikenakan untuk setiap pengeluaran hanya terpakai kepada APP sahaja. Tiada yuran pengeluaran separa dikenakan untuk pengeluaran daripada Akaun Simpanan.

6. Berapakah jumlah anda terima untuk Pulangan Tunai?

Anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih pulangan tunai anda, sama ada setiap tahun atau setiap 3 tahun berdasarkan tempoh perlindungan anda. Berikut adalah cara pengiraannya:

Tahun Tamat Sijil	15 Tahun Tempoh Perlindungan		21 Tahun Tempoh Perlindungan		30 Tahun Tempoh Perlindungan	
	Setiap Tahun	Setiap 3 Tahun	Setiap Tahun	Setiap 3 Tahun	Setiap Tahun	Setiap 3 Tahun
	% daripada Jumlah Perlindungan Asas					
1 hingga 10	3%	10%	3%	10%	3%	10%
11 hingga 14	3.5%	11%	3.5%	11%	3.5%	11%
15 dan seterusnya	3.5%	12%	3.5%	12%	3.5%	12%

Nota: Jadual ini tidak lengkap. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk atau Sijil Takaful.

7. Apakah pengecualian utama untuk Takaful ProAspire?

Takaful ProAspire tidak melindungi perkara-perkara yang disenaraikan di bawah. Sila ambil perhatian bahawa senarai ini tidak lengkap, dan rujukan harus dibuat kepada senarai lengkap dalam Sijil Takaful.

Manfaat Kematian

Manfaat Kematian tidak akan dibayar untuk kematian akibat bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari tarikh permulaan Sijil ini atau tarikh penguatkuasaan semula Sijil, mana-mana yang berlaku kemudian, sama ada Orang yang Dilindungi waras atau tidak waras. Liabiliti kami adalah terhad kepada Nilai APP pada tarikh kematian.Sijil akan tamat selepas itu.

Manfaat Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) dan Hilang Upaya Warga Emas (HUWE)

Sijil ini tidak melindungi sebarang hilang upaya, secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, akibat daripada mana-mana kejadian seperti di bawah ini:

a. Penyakit sedia-ada; atau
b. Mana-mana kecederaan akibat perbuatan diri sendiri semasa waras atau tidak waras; atau
c. Perjalanan atau penerbangan di dalam atau di atas mana-mana jenis kapal terbang kecuali kapal terbang penumpang komersil biasa yang telah dijadualkan.

Manfaat Kematian akibat Kemalangan

Sijil ini tidak melindungi sebarang kematian atau kecederaan akibat kemalangan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, akibat daripada mana-mana kejadian seperti di bawah ini:

a. Pelanggaran atau percubaan melanggar undang-undang atau menentang untuk ditangkap; atau
b. Semua jenis penyakit, kehamilan, melahirkan anak atau sebarang bentuk keguguran; atau
c. Sakit, kecederaan atau kerugian lain yang berlaku sebelum caruman awal dibuat, atau semasa Sijil sedang dalam keadaan luput.

Nota Penting

- Zurich Takaful Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Zurich Takaful Malaysia Berhad diwajibkan mematuhi sepenuhnya syarat-syarat dan peraturan Shariah.
- Ini adalah produk Takaful dan direka seiring dengan prinsip-prinsip Shariah.
- Pembayaran caruman melebihi tempoh ihsan boleh mengakibatkan Sijil luput dan boleh menjejaskan pembayaran manfaat masa hadapan. Bagi Tempoh Ihsan Perlindungan, anda mempunyai 31 hari dari APP menjadi tidak mencukupi untuk Tabarru' dan semua caj potongan lain untuk dilindungi dari kerugian yang berlaku. Manakala bagi Tempoh Ihsan Caruman, anda mempunyai 50 hari dari tarikh bil untuk membayar semua caruman anda yang perlu dibayar. Jika caruman yang perlu dibayar tidak dibuat dalam tempoh ini, Sijil akan diteruskan secara automatik melalui potongan Tabarru' Automatik daripada APP.
- Anda boleh menguatkuasakan semula Sijil dalam tempoh 1 tahun dari tarikh luput anda. Sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk dan Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.
- Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan caruman yang dibuat di bawah Sijil ini adalah jumlah yang anda mampu.
- Caruman, kadar Tabarru' dan caj-caj lain adalah TIDAK DIJAMIN. Kami boleh menyemak semula kadar tersebut pada ulang tahun Sijil dengan memberikan notis bertulis 3 bulan kepada anda.
- Anda boleh membatalkan Sijil ini dalam masa 15 hari dalam tempoh bertenang percuma daripada tarikh penghantaran dokumen Sijil anda. Zurich Takaful Malaysia Berhad akan memulangkan semula semua jumlah caruman yang anda telah buat, ditolak mana-mana jumlah yang perlu dibayar kepada kami.
- Semua caruman dan caj yang dibuat untuk manfaat ini tertakluk pada cukai atau levi kerajaan yang lain.
- Penyertaan dalam pelan Takaful merupakan komitmen jangka panjang, dan adalah tidak wajar untuk memegang Sijil dalam jangka masa pendek memandangkan kos permulaannya yang tinggi.
- Maklumat yang terkandung di dalam brosur ini mungkin boleh berubah tanpa diberi notis terlebih dahulu.
- Versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau kekaburan yang timbul daripada penterjemahan kepada Bahasa Malaysia.
- Brosur ini hanya mengandungi penerangan ringkas mengenai produk dan ianya tidak lengkap. Anda disarankan untuk membacanya berserta dengan Lembaran Pendedahan Produk untuk ketahui lebih lanjut tentang produk. Untuk penjelasan lengkap tentang manfaat, pengecualian, terma dan syarat, sila rujuk Sijil Takaful. Sebagai alternatif, anda juga boleh hubungi Perancang Kewangan kami untuk maklumat lanjut.
- Jika Perancang Kewangan menamatkan perkhidmatannya dengan Zurich Takaful Malaysia Berhad, Zurich Takaful Malaysia Berhad akan melantik Perancang Kewangan yang baharu untuk memastikan perkhidmatan berterusan diberikan kepada anda.

Untuk maklumat dan bantuan berkenaan **Takaful ProAspire**, sila hubungi **Perancang Kewangan Zurich** atau **Pusat Panggilan Zurich** di talian **1300-888-622** atau e-mel kami di **callcentre@zurich.com.my**



Empower your future – your path to

financial security

In an ever-changing world, financial security and peace of mind are more important than ever. Whether you are in the phase of owning a home, planning your child's education, aiming for early retirement or embarking on the Hajj or Umrah, maintaining consistent savings is crucial.

Introducing **Takaful ProAspire**, a family Takaful plan that seamlessly blends savings and protection, making it an essential component of your financial planning. It offers regular cash payout that can help you fulfil your personal goals and dreams. If you aim to be financially prepared for the future, the Loyalty Reward can provide financial stability for both you and your next generation.

With **Takaful ProAspire**, it is more than just a Takaful plan – it is a pledge to protect, support, and empower you with confidence and stability to navigate life's uncertainties.

What Makes Takaful ProAspire the Smart Choice?

It is a plan that helps you save smarter, grow your funds faster and stay protected!

1



Smart Saving, Maximum Growth

- Cash payout option: Annually or every 3 years.
- Receive Loyalty Reward upon maturity.
- Option to boost your savings via top-up.

2



Purposeful Savings for Your Goals

- Ideal for pilgrimage, education or long term goals.
- Cash payout with option to deposit into Tabung Haji or Simpan SSPN Prime account or top up into Saver account.

3



Extra Protection When It Matters Most

- Extra 100% of Basic Sum Covered (BSC) for Accidental Death.
- Extra 200% of BSC for Accidental Death while performing Hajj or Umrah.

4



Flexible Plan that Adapts to You

- Customise it based on your needs and budget:
  - Choose your coverage term;
  - Select your contribution term; and
  - Decide your cash payout option.

1

Smart Saving, Maximum Growth

Boost your savings and accessibility with Saver Account

Supercharge your savings with a simple top-up and experience the freedom of accessing funds from your Participant Investment Account (PIA) or Saver Account whenever you need. In addition, the funds you invest into Saver Account will not be subject to Tabarru' charges or withdrawal fee, ensuring your savings remain secure.

Celebrate your savings milestone with Loyalty Reward

Upon certificate maturity, you will receive a lump sum payment of up to 100% of your Basic Sum Covered as Loyalty Reward. Additionally, the Participant Investment Account (PIA) Value (if any) and Saver Account Value (if applicable) will be payable, allowing you to accomplish your goals with assurance and peace of mind.

Coverage Term	Loyalty Reward
15 or 21 Years	50% of Basic Sum Covered
30 Years	100% of Basic Sum Covered

2

Purposeful Savings for Your Goals

Watch your savings grow with Cash Payout

Choose to receive your continuous cash payout either annually or every 3 years.

Annually	Up to 3.5% of Basic Sum Covered
Every 3 Years	Up to 12% of Basic Sum Covered

Achieve your goals with purpose-driven savings, where you can:

- **Support your religious obligations:** Deposit the cash payout into an existing Tabung Haji account;
- **Contribute towards educational goals:** Transfer the cash payout straight into an existing Simpan SSPN Prime account;
- **Personal goals or dreams:** Receive the cash payout directly to your bank account; or
- **Accumulate for a stable financial future:** Reinvest the cash payout into your Saver Account.

3 Extra Protection When It Matters Most

Remain protected against unforeseen events while you save

Besides financial gains, **Takaful ProAspire** also provides protection against unforeseen events, including those that may occur when performing Hajj or Umrah. In case of an incident, **Takaful ProAspire** offers the following benefits:

Benefits	Benefit Payable
Death / Total and Permanent Disability (TPD)[1] / Golden Age Disability (GAD)[2]	100% of Basic Sum Covered (BSC) + Participant Investment Account (PIA) Value (if any)
Accidental Death[3]	Death Benefit + 100% of BSC
Accidental Death while Performing Hajj or Umrah[4]	Death Benefit + 200% of BSC

[1] The TPD benefit is subject to a maximum limit of RM10,000,000 per Person Covered.
[2] The GAD benefit is subject to a maximum limit of RM2,000,000 per Person Covered.
[3] In the event of death of the Person Covered within 365 days from the date of the accident and is subject to a maximum limit of RM10,000,000 per Person Covered.
[4] The coverage starts when the Person Covered enters the border of Mecca or Madinah in Saudi Arabia and lasts until they exit, subject to a maximum of 45 days for Hajj and 15 days for Umrah.

Notes:
1. Only the highest death benefit is payable.
2. The payment of TPD or GAD will reduce the death benefit accordingly.
3. All benefits payable will be deducted by the amount due to us (if any).

Get continuous coverage as you age

Takaful ProAspire offers peace of mind with Total and Permanent Disability (TPD) benefit up to age 75, along with continuous coverage through Golden Age Disability (GAD).



4 Flexible Plan that Adapts to You

Flexible choices for worry-free protection

With a flexible selection of coverage terms of 15, 21 or 30 years, you have the option to contribute for either 5 years or throughout the chosen coverage term.

Elevate your coverage with optional riders

Enhance your protection by attaching the following riders:

Rider	Details
KritikalCare Waiver Elite	Future contributions will be waived in the event the Person Covered is diagnosed with any one of the 50 critical illnesses covered.
Payor Benefit Plus	Future contributions will be waived in the event of the Participant's death or TPD, or diagnosed with any one of the 50 critical illnesses covered.

Notes:
1. All benefits are subject to terms and conditions.
2. Please refer to the Product Disclosure Sheet and Takaful Certificate for more info.

It's Easy – Here's How!



Scenario 1

Faizal's path to fulfilling pilgrimage obligations

Faizal, 35 years old, with his plan details as follows:

- **Basic Sum Covered (BSC):** RM100,000
- **Coverage Term:** 30 years
- **Contribution Term:** 30 years
- **Monthly Contribution:** RM1,295
- **Cash Payout Option:** Every 3 years, deposited into Tabung Haji account

By choosing to receive his **Cash Payout** every 3 years, the total cash payout that Faizal receives in his Tabung Haji account is **RM113,000**.

End of Certificate Year	Savings in Tabung Haji Account
3rd, 6th, 9th	10% x 100,000 x 3 = RM30,000
12th	11% x 100,000 = RM11,000
15th, 18th, 21st, 24th, 27th, 30th	12% x 100,000 x 6 = RM72,000
Total	**RM113,000**

To **maximise** his savings, Faizal can **top-up** to the Saver Account, giving him flexibility and easy access to his funds.

Upon maturity, Faizal can receive a **Loyalty Reward (LR)** and **PIA Value** as below:

Scenario	High	Low
LR + PIA Value	RM100,000 + RM492,446	RM100,000 + RM322,816
Total	**RM592,446**	**RM422,816**

But **in the event that Faizal tragically passes away** due to an accident while performing Hajj, his loved ones will receive a total payout of **RM300,000** (RM100,000 BSC + 200% of his BSC) + PIA Value, to alleviate his family's financial burden.

With **Takaful ProAspire**, Faizal's family's lifestyle is protected, providing them the financial security they need during this difficult time.



Scenario 2

Rina's smart choice for her son's future

Rina, 30 years old, signed up for this plan for her 3-year-old son, Ramli, with his plan details as follows:

- **Basic Sum Covered (BSC):** RM100,000
- **Coverage Term:** 15 years
- **Contribution Term:** 15 years
- **Monthly Contribution:** RM1,025
- **Cash Payout Option:** Every year, deposited into Simpan SSPN Prime.

To ensure her savings for Ramli's future remains uninterrupted, Rina added the **Payor Benefit Plus**. With this, if Rina unfortunately passes away, suffers TPD or diagnosed with any one of the 50 critical illnesses, her future contribution will be waived while her savings remain intact.

Upon maturity (when Ramli turns 18), the total benefits payout from this plan will be:

Benefit	End of Certificate Year	Total Benefits Payout	
Cash Payout (deposited into Simpan SSPN Prime Account)	1st to 10th	3% x 100,000 x 10 = RM30,000	
	11th to 15th	3.5% x 100,000 x 5 = RM17,500	
	15th	50% x RM100,000 = RM50,000	
PIA Value	15th	**High scenario** RM97,132	**Low scenario** RM81,103
Total (with PIA value)		**RM194,632**	**RM178,603**

The contribution made is entitled to education insurance income tax relief and the Cash Payout amount deposited into Simpan SSPN Prime is entitled to tax relief on Simpan SSPN Prime savings. Both tax reliefs are subject to the final decision of the Inland Revenue Board of Malaysia (IRB).

Note: PIA value may vary depending on the investment returns experienced by the fund, and it is NOT GUARANTEED. Low scenario assumes the PIA earns 2% every year. High scenario assumes the PIA earns 5% every year. For more details, please refer to the Marketing Illustration.

Wakalah Model

Zurich Takaful Malaysia Berhad ("Zurich Takaful"/ "Takaful Operator"/ "We"/ "Us") operates under the Wakalah model, where the Takaful Operator acts as an agent for the Participant in managing the Takaful Business operations. An agreed Wakalah fee is charged upfront from the contributions made. The Tabarru'[1] (donation) is contributed into the Participant Risk Fund (PRF)[2], where it is used for mutual aid and assistance based on the concept of Takaful. The benefits are paid from the PRF only upon a covered event. If there is a Surplus Sharing declared at the end of each financial year, the surplus will be shared 50:50 between the eligible Participant and Takaful Operator (or Us) based on the contract of Hibah (gift) and Ju'alah (performance fee), respectively. The investment profit generated in the Participant Investment Account (PIA)[3] and Saver Account[4] is NOT GUARANTEED and depends on the actual performance of the investment. The investment profit earned in the PIA and Saver Account respectively will be shared between Participants and Us based on 90:10.

[1] Tabarru' means donation and is the amount that the Participant agrees to relinquish to assist the persons participating in the Takaful Plan and to pay for the Takaful Coverage.

[2] Participant Risk Fund (PRF) is a Participant's holding account where the Tabarru' (donation) will be credited to provide mutual assistance which will be used to help Participants in need.

[3] Participant Investment Account (PIA) is the Participant's holding account for the contribution, the distribution of investment profit, if any, and the surplus of the Participant Risk Fund (PRF).

[4] Saver Account is the Participant's holding account for the purpose of reinvesting the Cash Payout Benefit and savings.

Wakalah Fee

Certificate Year	5 Years Contribution Term	15 Years Contribution Term	21 & 30 Years Contribution Term
	% of Contribution		
1	25%	50%	65%
2	25%	50%	65%
3	20%	40%	55%
4	15%	30%	35%
5	15%	20%	25%
6	-	15%	20%
Total	**100%**	**205%**	**265%**

Frequently Asked Questions

1. What is Takaful ProAspire?

Takaful ProAspire is a family Takaful plan that combines savings and protection elements in one comprehensive solution to safeguard your future. This multi-solution plan provides cash payouts annually or every 3 years, along with a Loyalty Reward. Additionally, it offers coverage for Death, Accidental Death, Total and Permanent Disability (TPD), and Golden Age Disability (GAD).

2. Who is eligible for Takaful ProAspire?

The minimum and maximum entry age for Person Covered and Participant are as below:

Category	Minimum Entry Age	Maximum Entry Age
Person Covered	14 days old	60 years old
Participant	16 years old	99 years old

3. What is the contribution mode available for Takaful ProAspire?

Contributions can be made annually, semi-annually, quarterly, or monthly.

4. Is the contribution made for this plan eligible for personal tax relief?

Yes, the contribution made is entitled to personal tax relief, subject to the final decision of the Inland Revenue Board of Malaysia (IRB).

5. What are the fees and charges for Takaful ProAspire?

Fees and Charges	Description
Wakalah Fee	This charge allows us to pay for the expenses of managing the takaful business, including remunerations to our Wealth Planner.
Tabarru'	Tabarru' charges are based on Person Covered's attained age, gender, sum covered, coverage term, cash payout option selected and underwriting decision.
Surrender Fee	10% of PIA value for the first 3 years. There will be no fees charged on the 4th year onwards and no surrender fee charged for Saver Account.
Partial Withdrawal Fee	RM50 upon each withdrawal is applicable to PIA only. There will be no partial withdrawal fee imposed for withdrawal from Saver Account.

6. How much can you get for Cash Payout?

You have the flexibility to choose your cash payout, whether it is annually or every 3 years, based on your coverage term. This is how it will be calculated:

End of Certificate Year	15 Years Coverage Term		21 Years Coverage Term		30 Years Coverage Term	
	Every Year	Every 3 Years	Every Year	Every 3 Years	Every Year	Every 3 Years
	% of Basic Sum Covered					
Year 1 to 10	3%	10%	3%	10%	3%	10%
Year 11 to 14	3.5%	11%	3.5%	11%	3.5%	11%
Year 15 onwards	3.5%	12%	3.5%	12%	3.5%	12%

Note: This table is not exhaustive. For more details, please refer to the Product Disclosure Sheet or Takaful Certificate.

7. What are the major exclusions for Takaful ProAspire?

Takaful ProAspire does not cover the events listed below. Please note that this list is not exhaustive, and reference should be made to the comprehensive list in the Takaful Certificate.

Death Benefit

The Death Benefit shall not be payable for death from suicide within 1 year from this Certificate's commencement date or reinstatement date, whichever is later, whether the Person Covered is sane or insane. Our liability shall be limited to the PIA Value on the date of death. The Certificate shall terminate thereafter.

Total and Permanent Disability (TPD) and Golden Age Disability (GAD) Benefit

The Certificate shall not cover any disability caused directly or indirectly, wholly or partly, by any one of the following occurrences:

a. Pre-existing illness; or
b. Any self-inflicted injuries while sane or insane; or
c. Travel or flight in or on any type of aircraft except on a regular scheduled passenger flight of a commercial aircraft.

Accidental Death Benefit

The Certificate does not cover any accidental death or injuries arising directly or indirectly, wholly or partly, by any one of the following occurrences:

a. Violation or attempted violation of the law or resistance to arrest; or
b. All kinds of diseases, pregnancy, childbirth or any form of miscarriage; or
c. Illness, injury or other losses occurring before the initial contribution is made, or while the Certificate is in a state of lapse.

Important Notes

- Zurich Takaful Malaysia Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act (IFSA) 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia. Zurich Takaful Malaysia Berhad is required to strictly comply with Shariah and regulatory requirements.
- This is a family Takaful product, and it is designed in line with Shariah principles.
- Contribution made beyond the grace period may result in Certificate lapse and may affect future benefit payouts. For Coverage Grace Period, you have 31 days from PIA becoming insufficient for Tabarru' and all other charges deduction to be covered for the loss occurred. While for Contribution Grace Period, you have 50 days from the billing date to make your contributions due. If due contribution is not made within this period, the Certificate will automatically continue through Automatic Tabarru' Deduction from PIA.
- You may reinstate the certificate within 1 year from your contribution due date. Please refer to the Product Disclosure Sheet and Takaful Certificate for more information.
- You should satisfy yourself that this plan can best serve your needs, and that the contribution made under the Certificate is an amount that you can afford.
- Contribution, Tabarru' rates and other charges are NOT GUARANTEED. We may revise the rate at Certificate anniversary date by giving 3 months of prior written notice to You.
- You may cancel your Certificate within the free-look period of 15 days from the date of delivery of your Certificate document. Zurich Takaful Malaysia Berhad shall return the full contribution made by you, less any amount due to Us.
- All contributions and fees shown in this document may be subject to tax or other government levies.
- Participating in a Takaful plan is a long-term commitment, and it is not advisable to hold the Certificate for a short period of time in view of the high initial costs.
- The information contained in this brochure may be changed without prior notice.
- The English version shall prevail in the event of any dispute or ambiguity arising out of the translation to Bahasa Malaysia.
- This brochure contains only a brief description of the product and is not exhaustive. It is recommended that you read this together with the Product Disclosure Sheet to know more about the product. For a detailed explanation of its benefits, exclusions, terms and conditions, please refer to the Takaful Certificate. Alternatively, you may contact one of our Wealth Planners for more information.
- If a Wealth Planner discontinues operating under Zurich Takaful Malaysia Berhad, Zurich Takaful Malaysia Berhad will appoint a new Wealth Planner to ensure continuous service is provided to you.

For more information and assistance on **Takaful ProAspire**, please contact our **Zurich Wealth Planner** or **Zurich Call Centre** at **1300-888-622** or email us at **callcentre@zurich.com.my**.

This page is intentionally left blank.